

PM adakan lawatan ke Rio de Janeiro

Lima: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan kerja ke Rio de Janeiro, Brazil dari 16 hingga 19 November bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20).

Kementerian Luar dalam kenyataan media memaklumkan, kehadiran Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Pemimpin G20 atas jemputan Presiden Brazil, Inacio Lula da Silva yang mencerminkan hubungan diplomatik yang mesra di antara Malaysia dan Brazil.

Ini juga memperlihatkan pembabitaaan aktif Malaysia dalam usaha kemampanan dan reformasi tadbir urus global.

Di bawah kepimpinan Brazil di G20 pada tahun ini, Malaysia menyertai dua inisiatif yang signifikan iaitu 'Environment and Climate Sustainability Working Group' (ECSWG) dan 'G20 Initiative on Bioeconomy' (GIB).

Ketika Semasa Sidang Kemuncak G20, Perdana Menteri dijadualkan menyampaikan Ke-

nyataan Negara dalam sesi mengenai 'Fight Against Hunger and Poverty' dan 'Reform of Global Governance Institutions'.

Anwar juga dijangka mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin dari Negara Anggota Kumpulan G20 untuk membincangkan isu dua hala dan pelbagai hala yang berkepentingan bersama.

Perdana Menteri turut dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Presiden Brazil, untuk membincangkan kerjasama dua hala antara Malaysia-Brazil, termasuk dalam bidang perdagangan dan pelaburan, serta industri semikonduktor dan juga bagi mengukuhkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara.

Anwar juga akan mengadakan perbincangan meja bulat dengan kapten industri Brazil bagi mempromosi peluang perniagaan khususnya dalam sektor minyak dan gas, serta teknologi digital. BERNAMA